

BIL 3/2022
EDISI JAN - JUN 2022



Cawangan Selangor
Kampus Sungai Buloh,
Selayang & Teluk Intan

BULETIN **CITRA** **KSBSTI**

KOLEJ KEDIAMAN UITM CAWANGAN SELANGOR KAMPUS SUNGAI BULOH SELAYANG & TELUK INTAN



JAWATANKUASA PERWAKILAN
KOLEJ UITM
KAMPUS SUNGAI BULOH & SELAYANG

eISSN 2821-3602





Cawangan Selangor
Kampus Sungai Buloh,
Selayang & Teluk Intan



SIDANG REDAKSI BULETIN CITRA KSBSTI

Penaung

Prof Madya Dr Ahmad Taufek Abdul Rahman

Penasihat

Ts. RD Aidilfitrina Khirotdin

Ketua Editor

Encik Mohd Yazrie Yacob

Penyelaras

Nur Anasyuha Elias | Muhammad Ramzi Ramlee | Hany Suraya Ab Sukor
Haris Nur Syahmi Syahrulnizam

Penyedia Laporan

Nuramelia Farhana Abd Kadir | Camelia Munchar Elias | Nuramira Anuar Yazid
Wan Shazwanee Wan Shaharudin | Nur Su'aidah Ibrahim | Muhammad Zulhelmi Zailan| Nurul
Izzah Ismail | Muhammad Azim Shariff | Hazwani Balqis Hazizan
Wan Syazaleena Wan Shaharudin

Pereka Grafik dan Susun Atur

Encik Mohd Yazrie Yacob

Sidang Redaksi Buletin Citra KSBSTI merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada barisan pengurusan tertinggi UiTM Cawangan Selangor Kampus Sungai buloh & Selayang dan semua bahagian di UiTM yang menjayakan penerbitan buletin Edisi Januari-Jun 2022

Sebarang makluman dan pertanyaan
sila hubungi

 Sidang Redaksi Buletin Citra KSBSTI
Jawatankuasa Perwakilan Kolej
Sesi 2021/2022
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Selangor
Kampus Sungai Buloh
47000 Sungai Buloh
SELANGOR



ISI KANDUNGAN

BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR UITM KAMPUS SUNGAI BULOH

Penolong Rektor-Tahniah dan Selamat Datang	1
Pengetua dan Staf Residen Kolej	2
Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) Sesi 2021/2022	3
Jasamu dikenang	4
Pengurusan Kes Positif Covid-19 di Kolej Kediaman	5

AKTIVITI PELAJAR

Membership Training 2.0	8
Annual General Meeting	10
What I wish I Knew: After Graduate	12
Perjumpaan Pengetua dan Staf Residen Kolej bersama Warga Kolej Kediaman UiTM Kampus Selayang	14
JPK E-Commerce	16
Proton Contagious 3.0	17
Busana Kebangsaan	19
Cinematic Night	20
Multimedia Festival	21
Pengurusan Risiko Bencana dan Simulasi Kebakaran	22
Karnival Sukan Kolej	23
Ihya' Ramadahan	25

HED KAMPUS



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan
Selangor

*Tahniah &
Selamat Datang*

**Profesor Madya Dr.
Ahmad Taufek bin
Abdul Rahman**

atas perlantikan sebagai
Penolong Rektor

(Kampus Sungai Buloh dan Selayang)

Bermula

16 Mei 2022

Daripada

**Rektor & warga UiTM
Cawangan Selangor**

#Keluarga UiTM



PENGETUA & STAF RESIDEN KOLEJ



JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ SESI 2021/2022

KAMPUS UITM SUNGAI BULOH DAN SELAYANG



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



YANG DI-PERTUA

MUHAMMAD RAMZI
BIN RAMLEE

NAIB YANG DI-PERTUA I

NURAINUL HANIE
BINTI MOHAMAD HASAN



NAIB YANG DI-PERTUA II

NURUL FATHIN
BINTI CHE MANSOR



PENOLONG
SETIAUSAHA

NURAINI BINTI
ABDUL MANAN



SETIAUSAHA
AGUNG

NURAMELIA FARHANA
BINTI ABD KADIR

BENDAHARI
KEHORMAT

NUR IMAN IZZATI
BINTI MOHAMAD ZAIP



PENOLONG
BENDAHARI

ZUHAIRA AIZAM
BINTI MOHAMED AIZAMMUDY



EXCO MULTIMEDIA

NUR SYAZANA
BINTI ABD RAHMAN

HANY SURAYA
BINTI AB SUKOR

HARIS NUR SYAHMI
BIN SYAHRUINIZAM

CHARL' AZRI
BIN CHARL' ANWAR

EXCO KEBAJIKAN

SYAUN
BINTI ZADI

HAZWANI BALQIS
BINTI HAZIZAN

HANNA NADJWA
BINTI MOHAMAD SUKARI



EXCO ADUAN

ANIS SYAHRAH
BINTI MO KAMIL

NURUL BATRISYA
BINTI MOHAMAD SOLOR

MUHAMMAD KHAIROL
IKHWAN BIN AZHAR

MUHAMMAD AZIM
BIN SHARFF



EXCO KESENIAN & KEBUDAYAAN

IWAN ELYSSA
BINTI KHALRUL AZMI

NUR SOFEA
BINTI AMIR IZHAM

NUR AIN QISTINA
BINTI TAHAHEN



EXCO PUBLISI

NURIN NABILAH
BINTI MOHD NAZRI

NUR AIN SOLEHAH
BINTI MOHD NASRI

AHMAD DARWI
BIN MD ARIFFIN



EXCO SUMBER MANUSIA & KESELAMATAN

NUR SU'AIDAH
BINTI IBRAHM

NURUL GZAH
BINTI ISMAIL

NURAWRA
BINTI ANJAR YAZD



EXCO SUKAN

LUQMAN HAKIM
BIN AZEMAN

ASRINI
AB GHANI

MUHAMMAD ZULHEIMI
BIN ZALAN



EXCO KEUSAHAWANAN

WAN SHAZALEENA
BINTI WAN SHAHARUDIN

CAMELLIA MUNCHAR
BINTI EJIAS

WAN SHAZWANEE
BINTI WAN SHAHARUDIN



EXCO DIPLOMATIK

NURUL AIN SABINA
BINTI ABDUL NASIR

MUHAMMAD HANEEF
TAYYODIN BIN
MOHD HSAM

AJIN ZAFRAH
BT MUHD
SHAHARUL HSAM

JASAMU DIKENANG

Terima Kasih!

EN. SAZWAN SHAMSUDDIN

DI ATAS JASA BELIAU
SEPANJANG BERKHIDMAT
DI UITM KAMPUS SUNGAI
BULOH DAN SELAYANG

16 NOVEMBER 2020 - 17 APRIL 2022

Ikhlas Daripada:
JPK UITM KAMPUS SUNGAI BULOH DAN SELAYANG

Terima Kasih!

EN. AHMAD HAFIFI
ZAINAL ABIDIN

DI ATAS JASA BELIAU
SEPANJANG
BERKHIDMAT DI UITM
KAMPUS SUNGAI
BULOH DAN SELAYANG

1 APRIL 2018 - 30 JUN 2022

Ikhlas Daripada:

JPK UITM KAMPUS SUNGAI BULOH DAN SELAYANG

EXCELLENT . SYNERGY . INTEGRITY

@JPKUSB

PENGURUSAN KES POSITIF COVID-19 DI KOLEJ KEDIAMAN



PERKONGSIAN PENGALAMAN UNIT PENGURUSAN KOLEJ (UPK) SEMASA MENGURUSKAN KES POSITIF COVID-19 (BERISIKO RENDAH) DI KALANGAN PELAJAR PERUBATAN DI KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR, KAMPUS SELAYANG

Alhamdulillah, Malaysia telah pun memasuki Fasa Endemik bermula pada 1 April 2022 yang lepas. Justeru itu, kita harus belajar hidup bersama virus ini dengan memahami risiko penularan COVID-19, mengamalkan langkah-langkah kesihatan awam dan sentiasa berhati-hati dalam melaksanakan aktiviti harian adalah amat penting untuk memastikan kita dan keluarga kita kekal selamat khasnya di kediaman kita, Kolej Kediaman UiTM Selayang. Oleh itu,



sekiranya ada kes di kalangan penghuni kolej, pihak UPK akan bekerjasama dengan pihak Fasiliti untuk melaksanakan proses pembersihan dan disinfeksi di tempat yang dikenal pasti. Pengesahan kontak adalah prosedur untuk mengesan individu yang mempunyai kontak rapat dengan pesakit COVID-19. Proses ini bertujuan untuk membendung penularan penyakit COVID-19 dalam kalangan komuniti dan memudahkan pengawalan penyakit.

Pihak UPK mengharapkan sedikit usaha ini dapat membuatkan pelajar merasa selesa dan selamat sepanjang berada di Kolej Kediaman Selayang.

“

**TERUS BERKHIDMAT BERSAMA UNIT HEP
KAMPUS DAN UCS BAGI MENJAGA KEBAJIKAN
SEMUA PELAJAR”**

AKTIVITI PELAJAR



MEMBERSHIP TRAINING 2.0



Program Membership Training 2.0 telah diadakan di UiTM Kampus Teluk Intan dan Pulau Misa, Bota Kiri. Program ini telah dihadiri seramai 34 ahli Jawatankuasa Perwakilan Kolej dan Sekretariat Kolej di mana 8 orang daripadanya mengikuti secara fizikal dan selebihnya secara alam maya. Program ini juga turut dihadiri oleh pengetua kolej dan 8 orang staf residen kolej untuk melengkapkan program.

Antara matlamat program ini ialah untuk memberi pendedahan dan pengetahuan berkenaan hal-hal pengurusan dan pengendalian persatuan pelajar di kolej kediaman. Selain itu, untuk menjalankan hubungan silaturahim dan memupuk kemesraan antara ahli persatuan dan penasihat serta unit pengurusan kolej. Matlamat lain ialah untuk memperkasakan kualiti dan kredibiliti sebagai seorang mahasiswa yang berdaya saing, dan berfikiran



jauh serta mampu dan berani mengutarakan pendapat. Akhir sekali adalah untuk mendapat pendedahan kepada semua 3 kolej kediaman yang ditadbir oleh Kampus Sungai Buloh, iaitu Kampus Teluk Intan.

Program ini terbahagi kepada beberapa sesi iaitu sesi ceramah, Team Building dan Membersip Training. Terdapat beberapa siri ceramah online yang menerangkan dan mendedahkan mengenai penstrukturran persatuan atau organisasi, dokumen dan garis panduan yang terlibat dalam pengurusan pengendalian persatuan, pengetahuan ciri-ciri kepimpinan pelajar,

pengurusan tekanan sebagai pemimpin pelajar.

Bagi sesi Team Dr Ahmad Yusri daripada Sinargy Aura Solutions, beliau telah mengendalikan sesi Team Building di mana para peserta dibahagikan kepada beberapa kumpulan untuk menjalankan aktiviti yang disediakan. Manakala bagi sesi Membership Training telah dikendalikan oleh pengetua dan Staf Residen Kolej di mana para peserta akan mempelajari dan memahami tentang pengurusan kolej dan pengurusan persatuan seperti cara menyediakan kertas kerja, penyediaan wang pendahuluan/tuntutan wang, cara penyediaan laporan program serta cara menguruskan program yang dijalankan.



ANNUAL GENERAL MEETING



Program Annual General Meeting (AGM) telah diadakan pada 8 Januari 2022 di Streamyard dan Youtube live. Program ini telah ditonton seramai 574 orang penghuni kolej.

Program ini merupakan platform kepada warga Kolej Kediaman UiTM Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan menyuarakan pandangan mereka tentang penambahbaikan perkhidmatan kolej. Matlamat lain ialah memperkenalkan barisan kepimpinan Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) yang baharu bagi sesi 2021/2022.



Selain itu, program ini juga membentangkan laporan aktiviti yang telah dijalankan oleh JPK sesi 2020/2021. Semua laporan ini akan diterbitkan di dalam e-Buletin Citra KSBSTI dalam dua sesi dan akan dipaparkan di dalam laman web rasmi kampus. Program seperti ini telah dapat mengeratkan silaturahim antara barisan JPK dengan Staf Residen Kolej dan warga kolej kediaman.

Program ini telah dirasmikan oleh Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Selangor. Terdapat juga ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Pengetua Kolej yang juga merangkap penasihat kepada JPK. Persembahan daripada wakil pelajar adalah sebagai simbolik dan gimik program. Di akhir majlis, terdapat acara cabutan bertuah di mana hanya pelajar yang mengisi borang kehadiran sahaja yang layak untuk menyertai.

Keseluruhannya, dengan adanya program seperti ini dapat memberi suntikan semangat dikalangan ahli Jawatankuasa Perwakilan Pelajar dan Sekretariat Kolej dalam mengendalikan persatuan bagi sesi 2021/2022. Diharapkan program seperti ini dapat dilaksanakan lagi pada masa hadapan supaya dapat memberikan manfaat kepada semua yang terlibat.



WHAT I WISH I KNEW: AFTER GRADUATE



Program What I Wish I Knew ini merupakan sebuah program perkongsian bersama pelajar klinikal serta alumni UiTM. Program ini diadakan secara atas talian menerusi aplikasi Microsoft Teams. Program ini dianjurkan untuk dua sesi iaitu sesi pertama pada 21 Januari 2022 manakala sesi kedua pada 22 Januari 2022. Program ini telah dihadiri seramai 75 orang pelajar pada sesi pertama dan 128 orang pelajar pada sesi kedua. Sesi pertama, What I Wish I Knew- Pre-Clinical Year dianjurkan khas untuk pelajar pra-klinikal perubatan dan pergigian UiTM Kampus Sungai Buloh.

Dalam sesi ini, dua orang pelajar perubatan dan pergigian Tahun 3 yang masing-masing memperoleh keputusan cemerlang semasa Professional Test telah dijemput untuk berkongsi petua dan kaedah pembelajaran yang efektif serta pengalaman sepanjang melalui tahun pra-klinikal.

Manakala sesi kedua, What I Wish I Knew- After Graduate dianjurkan untuk semua pelajar perubatan dan pergigian UiTM Kampus Sungai Buloh dan Selayang. Dalam sesi ini, seorang alumni UiTM Sungai Buloh yang kini berkhidmat sebagai doktor perubatan dalam bidang Otorinolaringologi di Hospital Kuala Lumpur telah dijemput untuk membuat perkongsian mengenai kehidupan selepas bergraduasi serta persediaan-persediaan sebelum menempuh alam pekerjaan. Di akhir program, sesi soal jawab dibuka kepada semua pelajar untuk memberikan peluang komunikasi dua hala.



MUHAMMAD NUR ISLAM ZAHARI

LATAR BELAKANG KEPIMPINAN

1. Majlis Perwakilan Pelajar UiTM Semaysia (2014/2015)
2. Presiden Sekretariat Mahasiswa Fakulti Perubatan, UiTM (2016/2017)
3. President Jawatankuasa Perwakilan Kolej, UiTM (2017/2018)

PENCAPAIAN

- Wakil Mahasiswa Malaysia "ASEAN Future Leader Summit", Chulalongkorn University , Phayathai, Thailand
- Wakil Fakulti Perubatan UiTM penanda aras bersama Mahasiswa Perubatan University of Western Australia, Perth, Australia

PENGALAMAN PENYELIDIKAN

1. *Vaccine Refusal Among Patient in Hospital Sungai Buloh, UiTM 2016 – 2017*
- Dibentangkan di National Health Professional Undergraduate Research Conference 2017 International Medical University
2. *Outcome of patients with Glioblastoma Multiforme (GBM) treated with radical concurrent chemoradiation (CCRT) in Hospital Kuala Lumpur, 2015 – 2016*
- Dibentangkan di Undergraduate Research Elective Conference Faculty of Medicine UiTM



Antara matlamat utama program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar pra-klinikal perubatan dan pergigian mengenai situasi pembelajaran secara atas talian dan juga secara fizikal di kampus. Selain itu, program ini juga merupakan platform kepada pelajar untuk bertanyakan soalan dan mendapatkan petua dan tips

WHAT I WISH I NEW

SPEAKER

AIZAM HILMAN BIN AKTER HANZAAH

PERKONGSIAN DARIPADA AIZAM HILMAN BIN AKTER HANZAAH

DARIPADA FAKULTI PERGIGIAN

No Notes

pembelajaran yang efektif daripada senior dan alumni UiTM sendiri. Matlamat lain adalah agar program ini dapat membantu pelajar untuk menyesuaikan diri dengan sistem pembelajaran tahun pra-klinikal serta persedian-persediaan yang harus dibuat sebelum melangkah ke alam pekerjaan sebagai seorang doktor.



PERJUMPAAN PENGETUA & SRK BERSAMA WARGA KOLEJ KEDIAMAN UITM KAMPUS SELAYANG



Selayang Campus

Program Perjumpaan Pengetua dan Staf Residen Kolej (SRK) bersama warga Kolej Kediaman telah berjaya dilaksanakan pada 11 Februari 2022 bertempat di Auditorium Fakulti Perubatan, UiTM Kampus Selayang.

Agenda utama program ini adalah sesi pengenalan Pengetua, SRK dan barisan Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JKP) UiTM Kampus Selayang sesi 2021/2022. Selain itu beberapa perkara juga dibincangkan dalam program berformat komunikasi dua hala ini. Antaranya ialah Standard Operating Procedure (SOP) pengurusan pelajar sakit, penguatkuasaan peraturan kolej

PERJUMPAAN PENGETUA
BERSAMA SRK DAN PENGHUNI
KOLEJ SELAYANG

STAF RESIDEN KOLEJ
UITM Kampus Selayang

Puan RD AIDIFITRINA
Pengetua Kolej UiTM Kampus Sg Buloh,
Selayang dan Teluk Intan


11 FEBRUARI 2022
JUMAAT 8.00 PM
AUDITORIUM
FAKULTI SELAYANG
MICROSOFT TEAMS

(Akta 174), aduan kolej dan hal-hal berbangkit yang lain.

Program yang dilaksanakan sekurangnya sekali setiap semester ini menjadi platform

kepada pengurusan kolej dan warga kolej kediaman dalam hal penyaluran maklumat, perkongsian dapatan kajian dan pengalaman juga sebagai tempat mendengar permasalahan yang timbul oleh warga kolej kediaman.

Keseluruhan ini, hal ini adalah penting untuk urusan penambahbaikan mutu kerja dan perkhidmatan pengurusan kolej dalam mencapai objektif mensejahterakan dan menjaga kebijakan warga kolej kediaman.



JPK E-COMMERCE 2.0



Program JPK E-Commerce 2.0 telah dijalankan pada 20 Mei 2022. Program ini dilaksanakan menerusi platform Youtube bagi para penonton serta Streamyard bagi para peserta. Seramai 6 peserta telah menyertai program ini. Para peserta diberi masa selama 10 minit untuk mempersembahkan dan mempromosikan barang jualan atau perkhidmatan dan penonton diberikan ruang untuk berosal jawab kepada para peserta.



Program yang bermula jam 9.00 malam dan tamat pada jam 11.00 malam ini telah mencapai matlamat utamanya iaitu menyediakan platform yang sesuai bagi pelajar dan orang awam yang mempunyai minat dalam bidang keusahawanan untuk mempromosikan perniagaan mereka. Diharapkan agar para peserta mendapat manfaat yang berguna dan semoga program ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang.

PROTON CONTAGIOUS 3.0



Program ini merupakan kesinambungan daripada proton Contagious 2.0: Carpe Diem yang dijalankan pada tahun 2021 dan Proton Contagious 2019. Proton Contagious 3.0 kali ini merupakan pertandingan bakat secara atas talian yang terbahagi kepada 5 kategori iaitu puisi, lakonan, nyanyian, tarian dan hobi. Program ini merupakan inisiatif daripada pihak JPK dalam memberi ruang kepada pelajar untuk mempersembahkan bakat mereka di samping memberi inspirasi





kepada warga kolej yang lain untuk berkarya. Penyertaan adalah terbuka kepada semua pelajar perubatan dan pergigian UiTM Sungai Buloh & Selayang. Sebanyak 12 penyertaan telah diterima dan majlis penutup yang bertemakan "Malam Bulan Dipagar Bintang" mendapat sambutan daripada 95 orang penonton. Selaras dengan objektif asal, program ini berjaya memupuk semangat cinta akan seni dan budaya dalam kalangan pelajar secara langsung menjadi medium mengeratkan hubungan sesama mereka. Program tersebut juga membuktikan bahawa pelajar UiTM bukan sahaja bijak daripada segi pembelajaran tetapi juga mempunyai bakat dan kebolehan tersendiri. Diharapkan program sebegini dapat dilaksanakan secara berterusan ke peringkat yang lebih tinggi.



BUSANA KEBANGSAAN






Program Busana Kebangsaan ini adalah salah satu inisiatif mempromosikan pakaian tradisional etnik berbilang kaum di Malaysia sekaligus menyemarakkan lagi semangat patriotisme di kalangan warga kolej walaupun berhadapan dengan pandemik COVID-19. Dengan penganjuran pertandingan yang bertemakan '1 Malaysia' ini, para pelajar dapat menzahirkan kreativiti sekaligus memupuk perasaan cinta kepada keunikan dan kepelbagaian budaya di Malaysia.



Peserta diberi peluang untuk menghantar penyertaan berbentuk gambar berserta kapsyen mengenai keunikan pakaian yang diperagakan dalam tempoh 01 - 22 Mei 2022. Pertandingan ini telah menerima sebanyak 6 penyertaan iaitu 3 daripada Kampus Sungai Buloh dan selebihnya daripada Kampus Puncak Alam serta Puncak Perdana. Gambar peserta dimuatnaik ke dalam akaun rasmi JPK Kampus Sungai Buloh dan pemenang dipilih berdasarkan 'like' terbanyak.

CINEMATIC NIGHT

Program Cinematic Night anjuran Jawatankuasa Perwakilan Kolej ini berlangsung sebanyak 2 kali di mana tayangan filem secara tertutup telah diadakan pada 13 Mei 2022 dan 3 Jun 2022 di Dewan Al-biruni, Fakulti Pergigian, UiTM Kampus Sungai Buloh. Undian filem dilakukan di media sosial JPK untuk menentukan filem yang akan ditayangkan. Filem yang mendapat sambutan pelajar adalah filem Uncharted dan The Invisible Man. Terdapat juga jualan makanan oleh kelab-kelab seperti Harmoni, MESTA, dan ALIS semasa program berjalan. Matlamat utama program ini adalah memberikan pilihan kepada pelajar berhibur, berehat dan bersantai di dalam persekitaran kampus. Selain itu juga dapat membentuk komuniti kolej yang positif dan berhubung baik sesama warga kolej. Akhir sekali, program ini juga dilaksanakan bagi memberikan ruang dan peluang kepada JPK mengasah bakat dalam bidang keusahawanan sekaligus meningkatkan sumber kewangan pihak JPK.



MULTIMEDIA FESTIVAL



MULTIMEDIA FESTIVAL

PHOTOGRAPHY CONTEST | DAILY VLOG CONTEST | BOOK REVIEW CONTEST

14th-19th MARCH 2022

PLATFORM: CISCO WEBEX & INSTAGRAM

PARTICIPATION FEE: RM1

OPEN TO ALL UNIVERSITIES

ANY INQUIRY, PLEASE CONTACT:

KHARISMINA 0309-33093499
SHARIFAH 0309-3309459

@SAINSKESHATAN_USM

Book Review Contest

1. The competition is open to full-time students who are pursuing their undergraduate or diploma studies in any university.

2. Participants must write appropriate, reliable, and fair reviews throughout the competition.

3. Participants need to follow the Instagram account @sainskesihatan_usm.

4. The judge's decision is final.

Judging & Scoring

1. Content (40 marks): Thoughtful content, accurate and relevant information on the selected book.

2. Spelling (10 marks): Clear spelling and punctuation without any grammatical errors.

3. Participants may choose any books such as critiques, opinions about selected books such as critiques, responses, or reactions.

4. The review must be delivered either in English or Malay.

5. The selected book must be reviewed by the participant within 10 minutes while the maximum time given is 15 minutes only.

Festival multimedia merupakan sebuah program kolaborasi antara empat buah universiti awam yang terdiri daripada jawatankuasa pelaksana utama Universti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS). Program ini bertujuan untuk membina pengalaman bekerjasama bersama pelajar-pelajar daripada IPT yang berbeza di samping memupuk semangat kepimpinan dalam jawatankuasa yang terlibat. Program ini merangkumi 3 pertandingan iaitu pertandingan fotografi melalui Instagram, pertandingan video pendek melalui HICOM dan pertandingan ulasan buku menggunakan platform Cisco WebEx. Seramai 43 peserta daripada pelbagai universiti telah mengambil

bahagian dalam pertandingan yang dianjurkan. Secara keseluruhannya, program ini berjaya mencapai objektif yang dirancang iaitu untuk melahirkan pelajar yang lebih kreatif, berbakat dan berani di samping mengharumkan nama universiti masing-masing dengan seimbang dalam bidang akademik dan juga kokurikulum.

PENGURUSAN RISIKO BENCANA & SIMULASI KEBAKARAN



Pengurusan Risiko Bencana dan Simulasi Kebakaran merupakan salah satu program tahunan yang wajib dilaksanakan oleh Exco Aduan dan Keselamatan. Program ini bertujuan memberi pengetahuan punca terjadinya kebakaran dan bencana serta langkah pencegahan yang perlu dilakukan demi menjaga keselamatan bersama. Peserta turut didedahkan dengan cara-cara menyelamatkan diri (evacuation plan) ketika berlakunya sebarang bencana.

Program kolaborasi antara JPK 21/22 bersama MERCY Malaysia dan Balai Bomba Sungai Buloh ini telah dirasmikan oleh Pengetua Kolej, Pn. Ts. Rd Aidifitrina sebelum sesi

taklimat keselamatan oleh wakil Bahagian Pengurusan Fasiliti UiTM Kampus Sungai Buloh serta taklimat simulasi kebakaran daripada pihak bomba. Bagi menepati objektif program supaya pelajar lebih bersedia menghadapi bencana, mereka diberi peluang untuk bersoal jawab dengan panel jemputan dengan pelbagai gambaran situasi yang mungkin berlaku dan tindakan yang perlu dilakukan untuk menyelamatkan diri.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada setiap peserta dan para jemputan yang hadir bagi menjayakan program ini. Semoga sesi pada tahun akan datang akan menerima lebih ramai kehadiran daripada kalangan pelajar.



KARNIVAL SUKAN KOLEJ




Karnival Sukan Kolej 2022 kali ini diadakan bertujuan untuk menyambut baik saranan Kerajaan Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia bagi melahirkan rakyat yang bebas obesiti dalam memasuki fasa Endemik COVID-19. Aktiviti yang dijalankan turut mendorong untuk mengukuhkan semangat kesukanan di dalam diri warga kolej di samping mengeratkan silaturahim di kalangan pelajar.

Pelbagai aktiviti yang dijalankan antaranya perlawanan futsal, bola jaring dan bola tampar. Setiap perlawanan disertai oleh 4 hingga 5 pasukan di kalangan pelajar UiTM Kampus Sungai Buloh dan Selayang. Tiga kategori sukan yang telah dipertandingkan telah berjaya memupuk semangat kesukanan di kalangan pelajar dan bakat-bakat baharu telah dapat dikesan untuk mewakili fakulti atau universiti di peringkat yang lebih tinggi pada masa akan datang.



Karnival ini telah menerima sambutan yang baik dengan penyertaan keseluruhan seramai 108 orang peserta. Sejuta penghargaan turut diucapkan kepada pihak Pengurusan Kolej Kampus Sungai Buloh, Unit Sukan UiTM Kampus Puncak Alam, Jabatan Anatomi Fakulti Perubatan dan Bahagian Pembangunan & Pengurusan Fasiliti UiTM Kampus Sungai Buloh atas kerjasama dan bantuan daripada segi fizikal dan mental. Diharapkan program sebegini akan terus diadakan sebagai acara tahunan, malah ditambahbaik lagi demi meningkatkan prestasi UiTM kampus Sungai Buloh dan Selayang dalam bidang kesukanan.



ALLIANCE OF INSANIAH

IHYA' RAMADHAN

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

"Sesiapa yang berpuasa Ramadhan kerana iman dan ketaatan kepada Allah, serta mengharapkan keredhaannya, akan diampunkan semua dosanya yang telah lepas"
Riwayat al-Bukhari (38) dan Muslim (760)

Ihya' Ramadhan merupakan program rutin Persatuan Alliance of Insaniah (Alis) yang dijalankan setiap tahun sepanjang bulan Ramadhan. Program kerjasama antara Alis dan pihak Hal Ehwal Islam (HEI) ini menyasarkan penyertaan para pelajar dari UiTM Kampus Sungai Buloh dan Selayang. Program ini diadakan bertujuan untuk mengimarahkan bulan Ramadhan serta

menyemarakkan lagi semangat para pelajar agar dapat meningkatkan kualiti amal ibadah sepanjang bulan Ramadhan. Program ini telah diuruskan oleh ahli jawatankuasa yang terdiri daripada ahli Persatuan Alis serta sukarelawan daripada pelajar Kampus Sungai Buloh dan Selayang.



Pelancaran
Ihya' Ramadhan²⁰²²
UiTM Sg Buloh dan Selayang

Tajuk:
*Indahnya beribadah
di bulan Ramadhan*

Tema: اهلاً وسهلاً يا رمضان


Penceramah:
PU Rahmat

31 Mac 2022
8-10 pm
Gmeet

UHEI, UiTM CAWANGAN SELANGOR, KAMPUS SG BULOH & SELAYANG | PERSATUAN ALLIANCE OF INSANIAH (ALIS)

ALIS ALLIANCE OF INSANIAH [@ALIS_ASSYIFA](#)

Atas kerjasama pelbagai pihak, beberapa aktiviti telah berjaya dijalankan seperti Majlis Pelancaran Ihya' Ramadhan bersama penceramah khas PU Rahmat, Bicara Nuzul Quran oleh Ustaz Syaari, Iftar Ramadhan serta Lensa Dakwah. Banyak ilmu telah diperoleh daripada ceramah yang diadakan bagi mengisi keperluan rohani. Syukur ke hadrat Ilahi, Alis telah berjaya menjayakan beberapa program berbentuk fizikal seperti solat tarawih secara berjemaah dan Majlis Khatam Al-Quran mengikut SOP yang telah



RAMADAN ♦ KAREEM ♦



ditetapkan membolehkan para pelajar untuk menghayati Ramadhan yang hanya kunjung setahun sekali sahaja. Tadarus al-Quran merupakan amalan popular untuk dilakukan pada bulan Ramadhan turut diadakan bagi mengeratkan hubungan silaturahim sesama ahli di samping dapat memperbetulkan bacaan al-Quran. Diharapkan dengan semua aktiviti yang telah dijalankan dapat memberi manfaat kepada semua pelajar dalam membantu meningkatkan pemahaman dan penghayatan erti bulan Ramadhan.





JKKUSB



JKKUSB



JKKUSB

